Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
SURAT BERITA
Jilid: 03/2021

جانڠ CANANG

Mac 2021

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-17 MAJLIS MESYUARAT NEGARA 2021

ADIL LAILA BAHAGIA

"Seperti yang lazim, banyak perkara sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Beta, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan modal insan, ekonomi dan usaha mengukuhkan kedayatahanan fiskal negara. Semua ini memerlukan komitmen seluruh lapisan, terutama sekali pemegang dasar kerajaan.

Pemegang dasar dikehendaki telus dan berani. Di dalam Persidangan ini, perbincangan janganlah dilimit untuk menyekat pandangan atau pendapat-pendapat daripada para ahli. Kerana sesungguhnya, peluang di sini tidak banyak, cuma sekali dalam setahun. Oleh itu, wajarlah bagi para ahli berbincang dengan rancak tetapi sihat.

Pada tahun 2021 ini, Negara Brunei Darussalam akan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat di peringkat ASEAN dengan tema 'We Care, We Prepare, We Prosper'. Tema ini membawa makna yang luas, sama ada di peringkat ASEAN mahupun kepada Negara Brunei Darussalam sendiri.

Beta akan mengakhiri titah ini dengan do'a, semoga permesyuaratan kali ini akan dapat berjalan lancar dan mampu untuk mencetuskan perbahasan dua hala yang bernas bagi melaksanakan projek-projek di bawah peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022."

Majlis Khatam Al-Quran 37 Kali Khatam
Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar — Isnin, 1 Mac 2021

Majlis Khatam ini diadakan untuk menggalakkan penglibatan jemaah dan penduduk Kampung Sungai Akar dalam aktiviti keagamaan, juga ke arah menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat, terutama dengan pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan NBD sebagai Negara Zikir.

Hadir pada Majlis Khatam Al-Quran tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung Bersama MRSB.

Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Mangsa Bencana Banjir Di Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara

Dewan Digadong,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Isnin, 1 Mac 2021

Sejumlah BND 24,000 disampaikan secara serentak kepada 48 buah keluarga yang terlibat dalam bencana banjir di Daerah Temburong dan Daerah Brunei dan Muara. Keluarga berkenaan menerima Bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), KKBS.

Majlis penyerahan sumbangan bantuan tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari yang menyerahkan kepada ketua-ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir tersebut.

Dengan sumbangan ini diharap akan dapat sedikit sebanyak membantu meringankan beban para mangsa dan bermanfaat dalam usaha membina semula kehidupan yang setentunya penuh dengan cabaran dan dugaan.

Majlis Penyampaian Sijil Kursus Komuniti Penyembelihan dan Butchering Restoran dan Kafe, Pusat Pembangunan Belia — Isnin, 1 Mac 2021

Pusat Pembangunan Belia (PPB) akan sentiasa terus meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dengan menyediakan dan membangun sumber tenaga manusia yang kompeten dan mempunyai kebolehpasaran.

Kursus yang buat julung kalinya dianjurkan ini mengambil masa selama 3 bulan. Ini merupakan sebuah lagi tanda aras pencapaian terkini PPB dalam melaksanakan kursus-kursus yang diperlukan oleh pihak industri selaras dengan kehendak pasaran.

Peserta kursus antaranya didedahkan dengan:

- asas pengendalian haiwan dan industri penternakan;
- kursus penyembelihan haiwan mengikut hukum-hukum syarie;
- pembelajaran lapangan daripada proses penyembelihan hingga melapah; dan
- pembungkusan di 2 buah syarikat serta penempatan kerja di 2 buah syarikat tempatan selama sebulan secara bergilir-gilir.

Selain itu, PPB turut disokong oleh lima buah syarikat tempatan yang menyediakan tenaga pengajar dan tempat pembelajaran iaitu *Golden Chick Abbatoir Sdn. Bhd.; Jamahat Haji Liman Abbatoir; Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan anak-anak; Syarikat As-Sulay dan Syarikat Riza Fudhlana Farming.*

Selain menyediakan kursus, PPB juga memberikan peralatan dan penempatan kerja malah pihak PPB juga telah berusaha mencarikan majikan bagi para pelatih dalam memastikan objektif kursus tercapai.

Pusat Pembangunan Belia (PPB) menawarkan kursus-kursus seperti:

1) 4291-11 Level 1 Diploma Accident Repair Body;

2) 3529-04 Skills Proficiency Certificate Basic Plumbing dan 6161-05 LEVEL 1 IVQ Certificate In Plumbing;

3) 3529-05 Skills Proficiency Certificate Basic Refrigeration and Air Conditioning / 6161-06 Level 1 IVQ Certificate In Refrigeration and Air Conditioning;

4) 3529-11 Skills Proficiency Certificate Fabrication, Welding & Pipework / 2850-80 Level 1 Certificate In Engineering (Welding);

5) 529-40 Skills Proficiency Certificate IT For Office Application / 7574-01 Level 1 ITQ Certificate In IT User;

6) 3529-50 Skills Proficiency Certificate Food Preparation / 8065-01 Level 1 Certificate In Food Preparation And Cooking;

7) 3529-52 Skills Proficiency Certificate Food and Beverage Services / 8066-01 Level 1 Certificate In Food And Beverage Service;

8) FDT-Kursus Asas Kemahiran Teknologi Rekaan Fesyen; dan

9) BT-Kursus Asas Kemahiran Terapi Kecantikan.

Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Mangsa Bencana Banjir Di Daerah Tutong

Dewan Utama, Kompleks Kemasyarakatan, Daerah Tutong
Selasa, 2 Mac 2021

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, hadir bagi menyempurnakan penyerahan bantuan kepada seramai 114 ketua keluarga rumah yang terlibat dalam bencana banjir di Daerah Tutong.

Kejadian banjir yang berlaku pada bulan Disember 2020 dan Januari 2021 itu menjejaskan beberapa buah rumah di Mukim Pekan Tutong; Mukim Kiudang; Mukim Tanjong Maya; Mukim Lamunin; Mukim Ukong dan Mukim Rambai.

Sumbangan merupakan bantuan kewangan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Dengan sumbangan tersebut diharapkan ia akan mendapat sedikit sebanyak membantu meringankan beban para mangsa dalam usaha mereka meneruskan dan membina semula kehidupan yang penuh cabaran dan dugaan.

MESYUARAT AHLI LEMBAGA SOUTH-EAST ASIA REGIONAL ANTI-DOPING ORGANISATION (SEARADO) TAHUN 2021

Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
3 Mac 2021

Mesyuarat ini memberi fokus kepada pelaksanaan ***World Anti-Doping Code*** **(WADC)** 2021 yang telah dilancarkan pada 1 Januari 2021, serta Pelan Strategik WADA dan SEARADO 2021-2025.

WADC telah mula diperkenalkan pada tahun 2004 sebagai Kod Peraturan dalam mengawal selia program dan aktiviti-aktiviti *Anti-Doping* untuk memastikan kesaksamaan dan kebertanggungjawabannya di seluruh dunia, terutama dalam aspek perkara-perkara yang boleh menyebabkan kesalahan doping ***(Anti-Doping Rules Violation – ADRV)*** serta penambahan kepada piawaian antarabangsa ***(International Standard)*** bagi Pengurusan Keputusan ***(Results Management - ISRM)*** dan Pendidikan ***(Education - ISE).***

Pengemaskinian dibuat untuk pelaksanaan yang lebih komprehensif di dalam Program Anti-Doping di seluruh dunia khususnya kepada mereka yang terlibat dalam sukan. WADC pernah dikemaskini sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2009 dan 2015 serta yang terkini 2021.

BDADC yang telah ditubuhkan pada tahun 2006 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi merancang dan melaksanakan Program Anti-Doping khususnya bagi Negara Brunei Darussalam. Disamping itu, ahli-ahli BDADC juga pernah ditugaskan di kejohanan-kejohanan sukan di peringkat serantau dan antarabangsa diantaranya Sukan Asia, Sukan SEA, Sukan Antara Universiti ASEAN.

Peringkat Akhir Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka
Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-37
Negara Brunei Darussalam
Dewan Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka

BERAKAS, Rabu, 3 Mac 2021 - Sayembara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah diadakan adalah bertujuan menyemarakkan semangat HK melalui sajak dalam bahasa Melayu.

Sajak-sajak yang dipertandingkan mengangkat tema nasionalisme dan patriotisme sesuai dengan objektif sayembara, iaitu menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-37, Tahun 2021.

KATEGORI 'A' (LELAKI) PERINGKAT AKHIR
Juara - Awang Riduwan bin Johari – tajuk sajak 'Kemerdekaan' karya K.Manis
Naib juara - Awang Mohammad Khairol Nazwan bin Haji Karim – tajuk sajak 'Narasi Negeriku',
Tempat ketiga – Awang Haji Osman bin Haji Damit – tajuk sajak 'Tanah Air' karya Badaruddin H.O

KATEGORI 'B' (PEREMPUAN) PERINGKAT AKHIR
Juara - Dayang Rozina binti Awang Haji Salim – tajuk sajak 'Narasi Negeriku' karya A. Hashim Hamid
Naib juara - Dayang Lenna Norsusilanita binti Bahari – tajuk sajak 'Anak Jati Merdeka' karya HJR.
Tempat ketiga - Dayang Hajah Armah binti Haji Bair – tajuk sajak 'Merdeka Simfonia' karya Yahya M.S.

PERADUAN MENULIS CERPEN
Pertama - Dayang Hajah Nur Hamizah binti Haji Samihon - cerpen 'Sepasang Sayap di Mandian Puteri';
Tempat kedua - Awangku Mohd. Noor Sham @ Awangku Hidie bin Pengiran Hidup - cerpen bertajuk 'Paradok'
Tempat ketiga - Dayang Suryani binti Haji Ariffin - cerpen 'Wajah Luka Aiman'.

PERADUAN MENULIS KRITIKAN SASTERA BAHANA, DBP 2019
Pertama - Awang Syahwal Nizam bin Haji Yani;
Tempat kedua - Dayang Siti Nadhrah binti Norzelan;
Tempat ketiga - Awangku Mohd. Noor Sham @ Awangku Hidie bin Pengiran Hidup.

Jelas Yang Berhormat, penegasan identiti kebangsaan melalui puisi patriotisme dapat memberi semangat bagi generasi muda untuk introspeksi dan merenung apa yang dapat kita sumbangkan bagi bangsa dan negara. Usaha-usaha seperti Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka amat penting ertinya sebagai usaha menumbuhkan dan memelihara semangat cinta tanah air.
Harapan kepada komuniti penyair dan penulis dan rakyat Brunei agar mengangkat sastera sebagai entiti budaya tinggi dalam konteks membangunkan idea-idea besar dan makna baharu untuk memahami kompleksiti masa hadapan perkembangan sejarah bangsa dan negara.

Taklimat Tatacara Menerima Dan Mencatat Hasil Kewangan
Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Bandar Seri Begawan, Rabu, 03 Mac 2021 – Seramai 100 kakitangan kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri 'Taklimat Tatacara (Workflow) Menerima dan Mencatat Hasil Kewangan Yang Diterima Melalui Caj Kemasukan' yang dikelolakan oleh Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Taklimat tersebut antarlainnya bertujuan untuk memberikan pendedahan dengan lebih lanjut mengenai tatacara yang betul dan teratur dalam menerima dan mencatat hasil kewangan yang diperolehi melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang dikenakan bayaran atau caj kemasukkan ke kompleks-kompleks di bawah kawalan Kementerian ini dan jabatan-jabatannya.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Asiah binti Ibrahim, Pegawai Kewangan Kanan, dan Yang Mulia Awang Haji Muhd Nazirulariffin bin Haji Muhd Zaini, Pegawai Kewangan, dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Bagi
Tiga Ahli Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA)



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Mac 2021- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Bagi Tiga Ahli Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA) yang telah menyertai jelajah Saddlesore Solo Ride 2020 dan Europe Ride 2019 bertempat di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

- F018 Pengiran Haji Redzaini telah menyertai jelajah Borneo Saddlesore Solo Ride 2020 melalui Telok Melano, Lundu Sarawak, Tanjung Simpang Mengayau dan Kudat Sabah pada 27 Februari hingga 3 Mac 2020;
- F614 Md. Ali dan F505 Pengiran Haji Md. Yamin menyertai jelajah Europe Ride 2019 melalui Croatia, Solvenia, Italy, Swiss, Austria, Germany, Belgium, Luxemburg dan Amsterdam pada 1 hingga 20 Julai 2019.

Dengan adanya Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan tersebut, ia dapat menyuntik semangat dalam kalangan para ahli untuk bergiat dengan lebih aktif lagi mewakili persatuan dan negara dalam menyertai acara permotoran yang sedikit sebanyak mampu mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam.

Majlis Khatam Al-Quran 37 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37 Tahun 2021

Bandar Seri Begawan, Khamis, 4 Mac 2021 – Majlis Khatam Al-Quran 37 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37 Tahun 2021 telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Daerah Brunei dan Muara
Masjid Kampung Salambigar

Tetamu Kehormat Majlis
Yang Mulia Kononel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said
Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Daerah Tutong
Masjid Haji Abdul Azim,
Kampung Luagan Dudok

Tetamu Kehormat Majlis
Yang Mulia Dato Paduka Seri Haji Mohd Irwan bin Haji Hambali
Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei

Daerah Belait
Masjid Zainab, Lumut

Tetamu Kehormat Majlis
Yang Mulia Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat
Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Daerah Temburong
Masjid Utama Mohammad Salleh,
Pekan Bangar

Tetamu Kehormat Majlis
Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan,
Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

TEMBURONG, Jumaat, 5 Mac 2021 - Bazar Buku 2021 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan satu inisiatif dan komitmen DBP dalam mendayaupayakan program membaca dan literasi maklumat di samping menjayakan pengisian kegiatan bagi Festival Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD), Tahun 2021.

Bazar Buku yang julung kalinya diadakan pada tahun ini merupakan satu jenama baharu pameran dan jualan yang berkonsep kembara atau menjengah keluar daerah, iaitu menyapa komuniti dengan mengangkat tema 'Kembara Buku Santuni Masyarakat'.

Antara objektif penganjuran adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat, berpendidikan, berpengetahuan, berkualiti dan berwawasan.

Majlis juga diselajurkan dengan penandatanganan poster kenangan Bazar Buku dan diikuti dengan pelancaran 11 buah buku terbaharu terbitan DBP dalam Kategori Sastera yang terdiri dari lapan sajak, dua skrip drama dan satu cerpen di mana hasil penulisan daripada beberapa orang penulis tanah air termasuk tiga orang penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award).

Melalui platform Bazar Buku, pasti membolehkan buku dan ilmu, kekal menjadi subjek dan agenda terpenting anjuran DBP, dalam memaknai pengisian acara Hari Kebangsaan dan sekali gus menterjemahkan keprihatinan tinggi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui KKBS dan DBP, untuk berkomitmen dalam memperkasa pembudayaan literasi kebangsaan dan membaca khususnya dalam kalangan masyarakat dan penduduk.

Para peserta jualan Bazar Buku 2021 pada tahun ini terdiri daripada penerbit kerajaan, institusi pengajian tinggi, toko buku dan syarikat swasta tempatan, iaitu DBP, Pusat Sejarah Brunei, Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Jabatan Mufti Kerajaan, Perpustakaan Islam Brunei Darussalam, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Penerbit Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Penerbit Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Syarikat Marleina, MindPlus Trading dan MindTrex Academy.

Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke Bazar Buku 2021 yang diadakan di 2 daerah, iaitu Daerah Temburong (Dewan Belalong, Pekan Bangar) dan Daerah Belait (KB Sentral).

Temburong, Sabtu, 06 Mac 2021- Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan Kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan pada hari ini mengadakan Acara Penanaman Pokok di kawasan Pusat Latihan Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Temburong.

Acara ini adalah sebahagian daripada acara Festival Hari Kebangsaan bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke 37, Tahun 2021.

Ia juga adalah sebagai salah satu usaha ke arah mendukung Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam yang telah dilancarkan pada 25 Julai 2020 yang lalu demi mencapai sasaran untuk menanam sebanyak 500,000 pokok baru menjelang tahun 2035.

Acara ini melibatkan penanaman sebanyak 86 anak pokok baru oleh seramai 247 orang pelatih Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan ke -10 dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perhutanan.

Acara ini juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran golongan belia terhadap pentingnya sumbangan mereka dalam sama-sama melindungi dan memelihara alam sekitar ke arah kelestarian pembangunan negara. Jenis pokok yang ditanam ialah spesis *tabebuia chrysantha* sejenis pokok yang tumbuh rendang, berbunga lebat dan cantik.

Selaras dengan perlaksanaan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, acara penanaman pokok ini juga mendukung Garis Panduan Protokol Hijau yang telah dirasmikan oleh Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam pada 30 Januari 2021 bersempena dengan Tahun Tindakan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Garis Panduan Protokol Hijau ini merupakan garis panduan ke arah mengurangkan jejak karbon dalam premis-premis di sektor kerajaan yang mempunyai tujuh (7) elemen utama iaitu Penggunaan Tenaga, Penggunaan Air, Penggunaan Kertas, Penggunaan Plastik, Pembuangan Sisa-Sisa Pepejal, Pengurusan Acara-Acara Rasmi dan Penanaman Pokok. Menerusi Garis Panduan Protokol Hijau ini, setiap Kementerian disarankan untuk ikut serta dalam menyokong "Kempen 26,000 Pokok" dengan menanam pokok di premis masing-masing.

Aktiviti Walkaton Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021

Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR)
Ahad, 7 Mac 2021

Majlis Pelancaran 75 Kali Khatam Al-Quran Kali Ketiga, Tahun 2021 (anjuran Pertubuhan WARGAMAS Brunei)

Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen (PMAM), Kampung Mulaut

Ahad, 7 Mac 2021

Majlis Pelancaran Buku Penerbitan PESEBAR
dan
Perasmian Mesyuarat Agung PESEBAR Kali Ke-8,

Dewan Jawatan Dalam
Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan

7 Mac 2021

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Mac 2021- Penerbitan enam buah buku terbitan Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) bersesuaian dengan peranan persatuan berkenan untuk menyebarluaskan persejarahan tanah air di setiap peringkat dan memastikan ia sentiasa dihidupkan serta diperkekalkan sebagai lambang ketamadunan dan peradaban kita.

Dalam era globalisasi tanpa sempadan ini, kesedaran akan sejarah negara memainkan peranan kritikal sebagai benteng yang kukuh lagi efektif dalam menghadapi cabaran luar yang boleh mengancam nilai-nilai teras orang Brunei.

Tidak dinafikan bahawa penggunaan teknologi digital telah dan terus membentuk dan mengubah kehidupan seharian kita, tidak terkecuali dalam usaha untuk meneruskan rasa kecintaan dan kebanggaan terhadap tamadun negara bangsa. Di sinilah peluang keemasan untuk memanfaatkan Revolusi Industri 4.0 demi meluaskan lagi skop serta kaedah penyebaran sejarah, terutama kepada generasi baharu.

Antara enam buah buku yang dilancarkan adalah karya Ahli-ahli PESEBAR bertajuk:

1) **'The History of the Development in Education in Brunei 1950-1985'** tulisan Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Haji Tengah dan Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar;
2) **'Politics and the Brunei Sultanate 1804-1904: Enduring the Storm to the Blessed Shores'** yang juga karya Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim dan Haji Moshin bin Abu Bakar;
3) **'Brunei Darussalam Educational Policies in Six Decades: A Study of Developments and Challenges'** turut ditulis oleh Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim, Dr. Roziman bin Makmun, Dr. Nani Suryani binti Haji Abu Bakar dan Dr. Hajah Suraya binti Haji Tarsat;
4) **'Pengiran Bendahara Brunei dan Bendahara Malacca: A Comparison of Roles and Issues of Daulat Derhaka'** ditulis oleh Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol;
5) **'Brunei's Culture in a Betelnut Shell'** oleh Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos;
6) **'Melayu Islam Beraja: Amanat 1984'** oleh Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong merangkap Pemangku Yang Dipertua PESEBAR.

Kebanyakan buku ini adalah terjemahan dari terbitan asalnya yang ditulis dalam bahasa Melayu, kecuali buku 'Melayu Islam Beraja: Amanat 1984'.

Isi kandungan buku tersebut adalah mengenai koleksi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu sebanyak 63 titah berkaitan dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang disampaikan di dalam dan luar negara sejak tahun 1984 hingga 2021.

Percetakan buku ini adalah atas tajaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi mendukung pengamalan, penghayatan dan perlaksanaan nilai-nilai MIB yang menjadi dasar negara dan cara hidup bangsa Brunei.
Penerbitan dan pengagihan buku ini kepada orang ramai akan dapat memberi kefahaman, bahkan mengukuhkan lagi pengamalan nilai-nilai murni MIB yang menjadi asas perpaduan dan penyatuan rakyat Brunei.
PESEBAR ditubuhkan bertujuan untuk mendukung matlamat yang hendak dicapai oleh PSB dalam bidang penyelidikan, pengkajian, pemeliharaan dan penulisan apa juga perkara yang berkaitan dengan persejarahan Brunei.

PERUTUSAN SEMPENA HARI WANITA ANTARABANGSA 2021

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mac 2021 - Tarikh 8 Mac ialah satu tarikh yang signifikan bagi kaum wanita seluruh dunia, kerana ia adalah tarikh Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang mula diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1975 dan disambut bagi menghargai peranan dan mengiktiraf pencapaian para wanita dalam usaha bersama memacu kemajuan negara, dalam pelbagai bidang yang merangkumi sosial, ekonomi, budaya dan politik.

Walaupun dunia pada ketika ini berdepan dengan pandemik COVID-19, kejayaan wanita tetap diraikan secara global melalui pelbagai acara sambutan yang dirancang mengikut norma-norma baharu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dalam perutusan sempena Hari Wanita Antarabangsa 2021.

Menurut Yang Berhormat, tema pada tahun ini adalah 'Wanita Dalam Kepimpinan : Mencapai Masa Depan Yang Saksama Dalam Dunia COVID-19' atau 'Women in Leadership : Achieving an Equal Future in a COVID-19 World'.
Tema tersebut jelas Yang Berhormat, menjadi tajuk utama pada tahun ini bagi meraikan usaha luar biasa wanita dan gadis di seluruh dunia dalam membentuk masa depan dan pemulihan daripada pandemik COVID-19 yang lebih setara.

Yang Berhormat seterusnya menambah, peranan penting kaum wanita ini jelas dilihat dalam memerangi wabak COVID-19 di mana menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) lebih 70 peratus petugas sektor kesihatan dan sosial secara global adalah wanita.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD) khususnya, menurut Kajian Buruh 2019 yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) kaum wanita merangkumi lebih kurang 67 peratus petugas dalam sektor kesihatan dan sosial. Oleh itu, selaku sebahagian besar responden pertama barisan hadapan, pekerja sosial, kesihatan dan tidak terkecuali juga sebagai sukarelawan, kita amat menghargai peranan penting yang dimainkan oleh golongan wanita dalam turut sama berganding bahu dan sanggup memberikan masa dan menyumbang tenaga kepada masyarakat dan negara," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun ujar Yang Berhormat, kesan pandemik ini adalah nyata lebih berat kepada kaum wanita kerana mereka juga mempunyai berbagai-bagai peranan dan tanggungjawab yang perlu diimbangi, dari segi menjaga anak-anak, anggota keluarga yang sakit dan juga orang tua.

Seterusnya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Wanita pada bulan April 2020 telah mendapati bahawa penjagaan yang tidak dibayar dan pekerjaan rumah tangga dibuat oleh wanita pada jumlah tiga kali lebih banyak jam daripada kaum lelaki.

Ini tambah Yang Berhormat, setentunya berpotensi membatasi akses pekerjaan dan boleh mendatangkan impak kepada peningkatan kerjaya bagi kaum wanita serta menjejaskan kesihatan fizikal dan mental mereka.

Oleh itu, sokongan dan komitmen berterusan terhadap dan kepada wanita adalah amat penting dalam era pasca COVID-19, untuk membantu memastikan kesejahteraan keluarga dan masyarakat, mencapai kemajuan ekonomi dan mempromosikan pembangunan sosial yang lebih besar ke arah kemakmuran negara.

[Perutusan bersambung…]

[...sambungan Perutusan]

Peranan wanita menurut Yang Berhormat, kekal relevan, yang mana sumbangan dan kepimpinan wanita telah terbukti dan adalah berpotensi untuk dimanfaatkan sepenuhnya dalam sama-sama menjayakan agenda pemulihan selepas COVID-19 di mana pandemik ini telah memperlihatkan kepada dunia bahawa perpaduan wanita sentiasa utuh, bukan sahaja dalam kekeluargaan malah meliputi penyatuan mereka dalam masyarakat.

"Alhamdulillah, bagi mengimbangi impak pandemik COVID-19 terhadap kehidupan sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah berfokuskan kepada memelihara kesejahteraan orang awam. Sebagai contoh, kaedah bekerja dari rumah (work from home) dan kelonggaran waktu kerja yang fleksibel, telah setentunya menyumbang ke arah 'work-life balance', bukan sahaja bagi kaum wanita tetapi semua yang memerlukan, dalam situasi COVID-19. Bagi kaum wanita yang mempunyai tanggungjawab berganda dalam mengurus keluarga, pekerjaan mahupun perniagaan dalam situasi norma baharu, semoga ia telah membantu menyuntik semangat dan mendorong golongan wanita untuk terus berganding bahu dalam masyarakat," jelas Yang Berhormat.

Komitmen NBD menurut Yang Berhormat, dalam menyerlahkan isu-isu wanita juga termasuk peranan yang dimainkan di rantau ASEAN di mana semasa menjadi Pengerusi ASEAN Committee on Women tahun lepas, NBD telah mengetuai beberapa pencapaian signifikan, seperti menghasilkan kajian ASEAN Gender Outlook yang dikendalikan bersama pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Wanita (UN Women) dan telah dilancarkan pada 1 Mac 2021 serta penghasilan ASEAN Gender Mainstreaming Framework, inisiatif bersama ASEAN Commission on Women and Children yang disasarkan untuk selesai pada tahun ini.

"InsyaaAllah juga, selaku Pengerusi ASEAN 2021, NBD akan mengetengahkan isu pembangunan wanita sebagai salah satu 'deliverable' di bawah tunggak Komuniti Sosiobudaya ASEAN," jelas Yang Berhormat lagi.

Manakala di peringkat kebangsaan, beberapa acara yang dirancang bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun ini, juga adalah dihasratkan untuk memberikan platform kepada kaum wanita untuk mengongsikan idea-idea serta membincangkan isu-isu yang berkepentingan bagi kaum wanita di NBD.

Semua ini tambah Yang Berhormat, akan disalurkan kepada penghasilan sebuah kajian wanita bagi NBD, sebagai usaha bagi mengukuhkan Pelan Tindakan Wanita, di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).

"Memang tidak dinafikan, sejajar dengan kedudukan wanita sebagai nadi dalam sebuah keluarga dan mendukung pembangunan negara, peranan dan sumbangan wanita adalah sangat penting bagi pembangunan sosioekonomi dan pemeliharaan keamanan dan keselamatan. Marilah kita sama-sama meraikan dan menghargai pengorbanan dan sumbangan kaum wanita di NBD, yang telah bersama-sama berganding bahu bagi mencapai kemajuan ekonomi, kesejahteraan keluarga, sosial dan kemakmuran negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada wanita!. Semoga terus maju jaya dalam perpaduan dan membangun masyarakat, ekonomi dan negara. Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada seluruh kaum wanita di NBD," ucap Yang Berhormat mengakhiri perutusan.

Selamat Menyambut Hari Wanita Sedunia 2021

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Mac 2021 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam menganjurkan Forum Perdana bersempena dengan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Beberapa program telah dirancang dan diselenggarakan bersempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa ini yang bukan sahaja dikelolakan oleh pihak kementerian juga dari pelbagai pihak lain termasuk pihak swasta, persatuan-persatuan, penyokong wanita (women advocates) serta para perwakilan asing.

Kemuncak acara ialah majlis perasmian forum yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat majlis Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi, dan seterusnya tayangan video rakaman perutusan daripada Tuan Mohammad Naciri, bagi pihak United Nations Women dan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Lim Jock Hoi.

Forum dimulakan dengan sesi dialog bertajuk "Pembangunan Wanita Menurut Islam" yang diutarakan secara langsung melalui dalam talian bersama Pengarah Institut Hadis dan Aqidah, Profesor Madya Dr. Norsaleha Mohd. Salleh dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Sesi dialog tersebut dikendalikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin.

Sejurus itu, acara diteruskan dengan sesi perbincangan panel bertajuk 'Kepimpinan Wanita Dalam Pembangunan Negara', di mana sesi perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Business Strategy and Development Manager, Ghanim International Corporation, Dayang Nurliyana Fatin binti Arifin.

Antara ahli-ahli panelnya terdiri daripada Leftenan Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini daripada Kementerian Pertahanan; Pakar Mata Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Helena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah; dan Penolong Professor Universiti Teknologi Brunei, Dr. Wida Susanty binti Haji Suhaili.

Majlis Pelancaran Forum PREPanita dan Booth Women Hub
Pusat Promosi Kesihatan (HPC), Berakas
08 Mac 2021

Sempena meraikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2021 yang jatuh pada hari ini, pelbagai kegiatan memperkasa wanita turut diadakan, antaranya Majlis Pelancaran Forum PREPanita dan Booth Women Hub yang berlangsung petang tadi di Pusat Promosi Kesihatan (HPC).

Juga terdapat petak Pameran Women Hub yang menyediakan aktiviti pameran yang berkaitan dengan pembangunan sosial, fizikal, mental, kerohanian, akademik dan juga demonstrasi seperti menyediakan Klinik Wanita bagi pemeriksaan wanita daripada Kementerian Kesihatan; dan Kesedaran Mengenai Kanser Payudara daripada Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC).

Turut diadakan aktiviti memperkasa wanita kelolaan Persatuan Mawar dan The Collective; Respect Boundary and Consent daripada RespectMe.bn; pengambilan bakat lakonan baharu dalam kalangan belia daripada Sutera Memento; pemberigaan Bahasa Isyarat, Unit Wanita, Talian Helpline Kebajikan 141 dan Talian ANAK 121 daripada JAPEM juga diadakan.

Forum PREPanita bermaksud persediaan wanita ke alam pekerjaan ini diadakan secara selari (parallel) dan disertai oleh 60 orang peserta yang terdiri daripada penuntut-penuntut dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi.

Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam forum tersebut ialah 'Selamat Datang ke Dunia Pekerjaan' yang bertujuan untuk memperkasa siswazah wanita, pelajar-pelajar pengajian tinggi dan graduan wanita agar bersedia secara mental untuk menempuh alam pekerjaan.
Forum dikendalikan oleh Persatuan Mawar dan ahli-ahli panel terdiri daripada Yang Di-Pertua Persatuan Siswazah Wanita Brunei Darussalam; wakil dari Darussalam Enterprise (DARE); JAPEM; dan wakil Sukarelawan Belia.

Sementara tajuk kedua, iaitu 'Kommuni-kasih : Komunikasi Adalah Kunci Kebahagiaan' pula dikendalikan oleh wakil dari Al-Minhaj Centre dan ahli-ahli panelnya terdiri daripada Pasukan Polis Diraja Brunei; Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah; Bahagian Perkhidmatan Kebajikan Perubatan; dan wakil daripada Project Women Brunei.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN DOA KESYUKURAN
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
08 Mac 2021

Majlis seumpana ini menggalakkan penglibatan warga Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dalam aktiviti menyemai kecintaan terhadap Al-Quran dan semangat kenegaraan sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat.
Majlis juga diadakan bagi mengeratkan lagi ukhwah, tali silaturrahim serta semangat perpaduan di kalangan warga Kementerian dalam mengungkayahkan dan menjayakan acara-acara Kementerian yang telah dijadualkan di sepanjang tahun.

PERJUMPAAN DENGAN PERTUBUHAN WARGAMAS

Bilik Mesyuarat, Tingkat 8
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
09 Mac 2021

BERAKAS, Khamis, 11 Mac 2021 - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Qudoz Event Management Services mengadakan Majlis Rasulullah Qudwatuna sempena Sambutan Israk Mikraj 1442 Hijrah bertempat di Airport Mall, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Beberapa aktiviti dan pameran turut diungkayahkan oleh fakulti dan pusat KUPU SB bagi menyemarakkan lagi Sambutan Israk' Mikraj tersebut termasuk ceramah motivasi pendidikan, penerangan kitab Munyah al-Musalli dan Idhahul Bah Li Muridun Nikah Bissawab, hafazan surah-surah lazim dan pilihan; aktiviti ejaan jawi dan sebutan tepat bagi nama-nama manusia; tajwid interaktif serta forum pascasiswazah.

Turut dipamerkan, antaranya Kaifiat solat yang sempurna bagi orang yang sihat, sakit dan dalam keadaan musafir; Kaifiat wuduk yang sempurna, klinik puasa dan fidyah; sejarah dan implikasi Israk' Mikraj dalam kehidupan dan kesihatan; serta sesi bacaan surah-surah lazim secara 'talaqqi musyafahah'.

Kenyataan Media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 09 Mac 2021

1. **Pelaksanaan De-Escalation Tahap Ke-5; Dan**
   Pengemaskinian Garispandu Bagi Sukan Dalam Dewan Dan Luar Dewan

2. Pelaksanaan De-Escalation Tahap Ke-5 bagi:
Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Ccc);
Pusat-Pusat Orang Kelainan Upaya;
Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran & Perpustakaan; dan
Pusat Kegiatan Warga Emas (Pkwe)

Garispanduan Pelaksanaan Tahap ke-5 ("*new normal*" atau kebiasaan baharu) bermula pada hari **Isnin, 21 Rejab 1442 bersamaan 08 Mac 2021**. **bagi acara-acara:**

- *Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (CCC);*
- *Pusat-Pusat Orang Kelainan Upaya;*
- *Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan; dan*
- *Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE)*

Perkara Pertama—Pengemaskinian garispanduan bagi semua acara Sukan Dalam dan Luar Dewan yang merangkumi sukan-sukan seperti berikut:

1. **Penganjur Pertandingan atau Kejohanan Sukan adalah dibenarkan.** Penganjur hendaklah membuat **pendaftaran kejohanan dan rekod yang sewajarnya di pintu masuk** bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan.

2. **Mengimbas kod QR Fasiliti Sukan**. Bagi yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR, pengurus premis atau fasiliti boleh menyediakan buku daftar bagi mencatit butiran peribadi pemain, pengunjung atau petugas;

3. Jumlah penonton hendaklah **dihadkan kepada 75% dari kapasiti ruang dan tidak melebihi 500 orang**;

4. **Acara sukan adalah dibenarkan. Sukan individu dan sukan berpasukan** termasuk sukan yang berupa **kontak adalah dibenarkan;**

5. **Digalakkan menggunakan kelengkapan sendiri** dan perlu disanitasi sebelum dan selepas penggunaan;

6. Premis dan fasiliti dalam dewan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan mempunyai **aliran udara yang baik**;

7. Individu yang kurang sihat **tidak dibenarkan masuk dan menyertai pertandingan.**

Perkara Kedua— Peningkatan ***de-escalation*** **dari tahap keempat ke tahap kelima** bagi :

(a) Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (CCC)

1. Aktiviti dalaman dan luaran berjalan seperti biasa
2. Imbas Kod QR sebelum masuk premis Pusat Penjagaan
3. Isi buku catatan jika tidak ada kemudahan untuk menimbas Kod QR
4. Pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis Pusat Penjagaan
5. Petugas/Penjaga dan kanak-kanak yang kurang sihat tidak dibenarkan memasuki premis Pusat Penjagaan
6. Menyediakan sanitasi tangan di tempat masuk dan lokasi yang bersesuaian
7. Aktiviti dalam/luar dan aktiviti berkumpulan adalah dibenarkan
8. Elakkan sentuhan fizikal
9. Tidak dibenarkan berkongsi makanan dan memastikan kanak-kanak mempunyai peralatan sendiri
10. Membersihkan tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti
11. Membersihkan fasiliti dan ruang Pusat Penjagaan sebelum dan selepas penggunaan
12. Petugas dan penjaga pusat digalakkan memakai sungkup muka
13. Premis dan fasiliti Pusat Penjagaan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan mempunyai aliran udara yang baik
14. Untuk mengasingkan diri dan segera berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan apabila kurang sihat
15. Dapatkan vaksinasi apabila program vaksinasi mula diadakan
16. Sentiasa mematuhi langkah-langkah berwaspada

(b) Pusat-Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE)

1. Aktiviti dalaman dan luaran berjalan seperti biasa
2. Imbas Kod QR sebelum masuk serta mendapatkan kelulusan kod hijau atau kuning sahaja
3. Isi buku catatan jika tidak ada kemudahan untuk menimbas Kod QR
4. Pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis
5. Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak menghadirkan diri

6. Menyediakan sanitasi tangan di tempat masuk dan lokasi yang bersesuaian
7. Elakkan sentuhan fizikal
8. Membersihkan tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti
9. Membersihkan dan mensanitasi semua bilik, perabot dan peralatan sebelum dan selepas penggunaan

10. Digalakkan menggunakan sungkup muka
11. Gunakan sarung tangan bagi mengurangkan sentuhan dengan permukaan
12. Pusat hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan mempunyai aliran udara yang baik
13. Dapatkan vaksinasi apabila program vaksinasi mula diadakan
14. Sentiasa mematuhi langkah-langkah berwaspada

(c) Pusat-Pusat Orang Kelainan Upaya

1. Aktiviti dalaman dan luaran berjalan seperti biasa
2. Imbas Kod QR sebelum masuk serta mendapatkan kelulusan kod hijau atau kuning sahaja
3. Isi buku catatan jika tidak ada kemudahan untuk menimbas Kod QR

4. Pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis
5. Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak menghadirkan diri
6. Menyediakan sanitasi tangan di tempat masuk dan lokasi yang bersesuaian
7. Aktiviti berkumpulan mengikut garispandu tersedia
8. Elakkan sentuhan fizikal



9. Amalkan kebersihan diri yang baik dan penggunaan kelengkapan individu
10. Membersihkan tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti
11. Membersihkan dan mensanitasi semua bilik, perabot dan peralatan sebelum dan selepas penggunaan
12. Petugas digalakkan memakai sungkup muka
13. Pusat hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan mempunyai aliran udara yang baik
14. Untuk mengasingkan diri dan segera berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan apabila kurang sihat
15. Dapatkan vaksinasi apabila program vaksinasi mula diadakan
16. Sentiasa mematuhi langkah-langkah berwaspada

(d) Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan

1. Beroperasi seperti kapasiti biasa
2. Petugas digalakkan memakai sungkup muka
3. Membersihkan kelengkapan dan ruang sebelum penggunaan
4. Memastikan premis mempunyai aliran udara yang baik
5. Waktu-waktu beroperasi adalah seperti berikut:

i) **Muzium-Muzium, Galeri, Taman dan Tapak Warisan di bawah Kawalan Jabatan Muzium-Muzium** akan beroperasi selama 8 jam iaitu mulai **jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang** setiap hari **Isnin hingga Khamis, Sabtu dan Ahad** dan akan ditutup pada **hari Jumaat.**

ii) **Muzium Daerah Belait dan Galeri Sukan** akan beroperasi pada **hari Isnin hingga Rabu, Sabtu dan Ahad** selama 8 jam mulai jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang** dan akan ditutup pada hari **Khamis dan Jumaat.**

iii) Galeri Pameran dan Tapak Warisan, Pusat Sejarah Brunei akan beroperasi pada:

Hari Isnin: 8.00 am— 12.00 pm

Hari Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu: 8.00 am - 12.00 pm& 2.00 pm— 4 .00 pm

Hari Ahad: 8.00 am—12.00 pm (Bandarku Ceria)

Hari Jumaat: Tutup

Perkhidmatan Perpustakaan di bawah kawalan Dewan Bahasa dan Pustaka beroperasi seperti:

i) **Cawangan Bandar Seri Begawan, Kg Pandan, Tutong dan Temburong** akan beroperasi **setiap hari** mulai **jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang** dan kecuali bagi **Cawangan Bandar Seri Begawan** akan beroperasi **sehingga jam 6.00 petang;** dan **ditutup** pada **hari Cuti Kelepasan Awam**.

ii) **Cawangan Muara, Lambak Kanan, Sengkurong, Seria dan Kuala Belait** akan beroperasi pada **hari Sabtu hingga Khamis** mulai **jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang** dan **ditutup** pada **hari Jumaat dan Cuti Kelepasan Awam**.

iii) **Pusat Masyarakat Bestari, Kg Rimba dan Pusat Masyarakat Bestari, Lumut** akan beroperasi pada **hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu** mulai **jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** dan **jam 1.30 petang hingga 4.30 petang** dan akan **ditutup** pada **hari Jumaat, Ahad dan Cuti Kelepasan Awam.**

Waktu beroperasi bagi perkhidmatan Arkib Negara, Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium, Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei dan Pusat Pengkajian Borneo adalah seperti berikut:

i) **Perkhidmatan Arkib Negara dan Perpustakaan Muzium** akan beroperasi pada **hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu** mulai **jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari** dan **2.00 petang hingga 4.00 petang** dan akan **ditutup** pada **hari Jumaat dan Ahad.**

ii) **Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei dan Pusat Pengkajian Borneo** akan beroperasi pada **hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu** mulai **jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** dan **2.00 petang hingga 4.00 petang** dan akan **ditutup** pada **hari Jumaat dan Ahad.**

Dengan perubahan yang demikian, sukacita diingatkan kepada para pengguna, pengunjung serta pengurus pusat dan fasiliti berkenaan untuk terus menggunakan applikasi *BruHealth* untuk tujuan pendaftaran kod QR. Turut diingatkan kepada orang ramai untuk mengimbas kod QR applikasi *BruHealth* apabila masuk dan keluar setiap pusat dan fasiliti, sentiasa berwaspada dan sama-sama membantu untuk mengamalkan tanggungjawab sosial (*social responsibility*), memastikan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa demi memastikan keselamatan setiap pihak. InsyaAllah.

TAMAT LATIHAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA PENGAMBILAN KE-10

Padang Kawad, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Daerah Temburong, 10 Mac 2021

Pengambilan Ke-10 terdiri daripada seramai 247 orang Pelatih iaitu 172 orang pelatih lelaki dan 75 orang pelatih perempuan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah kepada 6 pelatih terbaik Program Khidmat Bakti Negara iaitu:

- PELATIH LELAKI TERBAIK KAWAD
  12886 Mohamad Hamizan bin Zulkhairi (Platun 4);
- PELATIH PEREMPUAN TERBAIK KAWAD
  12668 Nurin Alya Widyan Naqibah binti Saifulbahrin (Platun 4);
- PELATIH LELAKI TERBAIK JASMANI
  12699 Mohammad Hakif bin Mohammad (Platun 3);
- PELATIH PEREMPUAN TERBAIK JASMANI
  12850 Khairunnisaa binti Shafiee (Platun 2);
- PELATIH LELAKI TERBAIK KESELURUHAN
  12883 Muhammad Nur Ridhwan@Raiezwan bint Radimas (Platun 5);
- PELATIH PEREMPUAN TERBAIK KESELURUHAN
  12846 Dk Ardini Haziqah binti Pg Haji Mohd Ali (Platun 6)

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini menunjukkan bukti keprihatinan Baginda dan juga dapat menyuntik semangat para pelatih untuk terus aktif memainkan peranan sebagai belia yang berdikari, berdisiplin, berwawasan, berhemah, bertaqwa dan syumul dan terus menerus aktif mengaplikasikan apa yang dipelajari sepanjang program setelah tamat menjalani Program Khidmat Bakti Negara agar dapat menabur bakti dan meningkatkan rasa cinta serta pengorbanan terhadap Negara, bangsa dan agama sesuai dengan hasrat penubuhan Program Khidmat Bakti Negara.

Sejak Program Khidmat Bakti Negara ini ditubuhkan, Program Khidmat Bakti Negara telah mengeluarkan seramai 3,177 Alumni Program Khidmat Bakti Negara dan ini adalah termasuk jumlah Alumni Program Khidmat Bakti Negara bagi Pengambilan Kesepuluh Program Khidmat Bakti Negara yang bermula 29hb November 2020 dan berakhir pada 10 Mac 2021.

Mereka ini dilatih oleh seramai 100 orang Pegawai / Jurulatih / Tenaga Kerja yang telah dipinjamkan daripada Angkatan Tentera Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Outward Bound Brunei Darussalam, KUPUSB, dan sukarelawan professional yang dibantu oleh Alumni Program Khidmat Bakti Negara bagi sama-sama menjayakan Program Khidmat Bakti Negara ini.

PROGRAM KOMUNITI KURSUS JAHITAN
ANJURAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Pusat Bahagia Brunei dan Muara,
Kampung Pulaie
12 Mac 2021

Seramai 14 peserta dari Kampung Setia 'A' mengikuti program terseubt yang bertujuan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi golongan wanita dan ibu tunggal yang tinggal di kampung berkenaan dengan menggalakkan mereka menceburkan diri dalam sektor perniagaan.

Ia juga bertujuan untuk memperkasa penerima bantuan supaya akan dapat meningkatkan ekonomi mereka tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan.

Antara modul yang akan dipelajari para peserta merangkumi kemahiran jahitan, bimbingan usahawan dan inkubator perniagaan.

MAJLIS SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ TAHUN 1442H/2021M

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya

Dewan PM Dato Sharifuddin,
Bangunan Arkib Negara
13 Mac 2021

Israk dan Mikraj adalah perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dan seterusnya dinaikkan ke langit selama tujuh peringkat bersama-sama Malaikat Jibril. Dalam masa yang sama, diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menunaikan sembahyang sebanyak 50 waktu dan sehingga sekarang kita hanya menerima lima waktu sahaja.

Perkara itu antara inti pati Ceramah Khas pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma yang dihulurkan kepada keluarga pegawai dan kakitangan KKBS yang telah kembali ke rahmatullah yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Ia merupakan aktiviti tahunan kementerian tersebut dengan tujuan untuk menghayati peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, disamping untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga KKBS dan jabatan-jabatannya.

JERUDONG, Sabtu, 13 Mac 2021 – Upacara Tamat Pengajian (Graduation Ceremony) Kumpulan Pertama Mahakarya Institute of the Arts Asia (MIAA) di Dewan Teater, The Empire Brunei.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyeru agar industri perfileman tempatan termasuk graduan Diploma of Screen and Media untuk menonjolkan keindahan Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk sejarah dan sebagainya berkaitan dengan negara.

Yang Berhormat juga menekankan agar jangan berhenti untuk terus berkarya, yakin pada diri dan mampu berjuang demi industri perfileman di negara ini sekali gus untuk masa hadapan. Industri kreatif adalah menakjubkan kerana ia bukan sahaja mengenai pekerjaan malah hasil dapatan yang tinggi dan dari itu, kita harus memandang jauh khususnya di peringkat antarabangsa pada masa yang akan datang.

Lima graduan kumpulan pertama yang berjaya dianugerahkan kelulusan diploma tersebut ialah:

1. Awangku Ahmad Al-Fathullah bin Pengiran Haji Sellahhuddin;
2. Donovan Ang Zhenzhao;
3. Dk Jazmeena Anatasya binti Pg Noras Madi;
4. Muhammad Azamuddin Sukarman; dan
5. Siti Nur Hamizah binti Haji Hamzah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac 2021-

137 bakal graduan yang telah berjaya menamatkan kursus-kursus dalam bidang Bisnes, IT, Design dan Multimedia diraikan di majlis yang penuh berkebajikan dan bermakna ini iaitu Majlis Konvokesyen Kolej International Graduate Studies (IGS) bagi tahun 2020.

Kejayaan ini membuktikan kebolehan sebenar para graduan bukan sahaja dalam bidang akademik, bahkan apa yang lebih penting, dari segi keperibadian, disiplin dan kesungguhan tinggi untuk bertapak di dunia sebenar (Real World). Tumpuan Kolej IGS dalam bidang-bidang pelajaran yang sangat menepati hala tuju serta keperluan negara terutamanya dalam konteks Revolusi Industri 4.0 yang telah dan terus mempengaruhi serta mencorak cara hidup seharian kita.

Disinilah aspirasi negara iaitu untuk melahirkan lebih ramai belia untuk menjadi individu yang berkualiti tinggi, seiring dengan kehendak masa kini dan masa depan yang tidak statik, menghasilkan para-para graduan yang berwibawa, kompetitif dan dinamik, selaras dengan aspirasi Dasar Belia Negara untuk melahirkan generasi belia yang siap siaga masa depan.

kita amat mengalu-alukan Kolej IGS mahupun Institusi Pendidikan lain untuk meningkatkan lagi kolaborasi dan kerjasama demi menjamin masa depan belia kita secara berterusan. Sebagai institusi yang memainkan peranan kritikal untuk melahirkan tenaga belia yang sangat diperlukan oleh negara, kita akan sentiasa memberikan sokongan yang penuh demi memastikan mereka akan mencapai cita-cita serta harapan masing-masing demi bangsa, ugama dan negara. Dengan matlamat 3E *("Enable, Educate and Empower"),* inilah hala tuju kita yang akan terus direalisasikan melalui pendekatan *Whole of Nation demi* mencapai Wawasan Negara 6479, InsyaAllah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Mac 2021 - Aktiviti Sukan Perlawanan Merintis (Orienteering Competition) anjuran Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara, bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37 bagi Tahun 2021.

Aktiviti tersebut bertujuan untuk mendidik pengakap dalam membentuk keyakinan diri dalam menghadapi cabaran mental secara spontan dan membina fizikal.

Melalui perlawanan itu, ia dapat melatih secara praktikal melalui "*Learning by Doing*" dalam kemahiran bersaing secara sihat, secara berkumpulan *(team work),* di samping melatih pengakap dalam kemahiran membaca peta dan mengguna kompas dan tujuarah seperti yang diarahkan di *~check points~.* Soalan yang diajukan di setiap *check points* adalah soalan mengenai pengetahuan am dengan tujuan untuk lebih mengenali Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Isnin, 15 Mac 2021 – Kejohanan Skuasy anjuran Persatuan Raket Skuasy Brunei (BSRA) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) diadakan bersempena Sambutan Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37 Tahun 2021.

<u>Kategori Lelaki Terbuka</u>
Juara - Kyran Young
Naib Johan - Pengiran Anak Hasnan bin Pengiran Anak Haji Rozanan
Ketiga – Lim Kok Sheng

<u>Kategori Wanita Terbuka</u>
Johan - Catherine Carter
Naib johan - Hamidah Ismail
Ketiga - Nuraini Zabar

<u>Junior Bawah Umur 17 Tahun</u>
Juara - Will Thacker
Naib johan - Daniel Sim

Kejohanan ini bertujuan untuk menyemarakkan Sambutan HK NBD yang Ke-37 Tahun, di samping bagi mempromosikan sukan skuasy di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Mac 2021 - Sekretariat ASEAN melancarkan buat julung kalinya ASEAN Development Outlook (ADO), iaitu sebuah penerbitan serantau, yang bertujuan untuk menunjukkan perkembangan pembangunan masyarakat rantau ASEAN juga mengenal pasti cabaran-cabaran utama berpandukan amalan- amalan terbaik bagi masa hadapan.

- Edisi 2021 ADO memfokuskan pada pembangunan inklusif dan mampan ASEAN melalui empat bidang utama, iaitu Identiti ASEAN; Alam Semula Jadi dan Alam Bina; Sumber Pendapatan dan Kebajikan dan Kesihatan Sosial bagi membantu dalam memandu dan memberikan hala tuju kerjasama serantau juga pembentukan visi Komuniti ASEAN bagi tahun-tahun seterusnya.

Dengan tema 'Ke Arah Pemulihan dan Kedayatahanan Pasca COVID di ASEAN', persidangan tersebut antara lain telah membincangkan mengenai dapatan dan cadangan daripada laporan Kajian Separuh Penggal ASCC Blueprint 2025 serta perkembangan Komuniti ASEAN Visi Pasca-2025 yang merupakan salah satu keutamaan NBD selaku Pengerusi ASEAN 2021.

Persidangan turut membincangkan mengenai sumber pelaksanaan yang diperlukan ke arah mendukung Pasca Pemulihan COVID dan Kedayatahanan ASEAN.

Ketua-Ketua SOCA telah menghadiri ASCC Partnership Conference Kali Pertama yang dipengerusikan oleh TYT Kung Phoak secara persidangan video. Turut hadir, Pengerusi-Pengerusi dan Timbalan-Timbalan Pengerusi Badan-Badan Sektoral di bawah ASCC; Komiti Perwakilan Tetap ASEAN; Rakan-Rakan ASEAN; Agensi-Agensi UN dan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa.
Dalam Persidangan tersebut, selaras dengan perbincangan Mesyuarat Ke-16 SOC-COM mengenai keutamaan-keutamaan ke arah pemulihan dan kedayatahanan Pasca COVID di ASEAN, para peserta telah bertukar-tukar pandangan mengenai hala tuju seterusnya berikutan pengesahan Ketua-ketua Negara / Pemimpin ASEAN terhadap ASEAN Comprehensive Recovery Framework dan Pelan Pelaksanaannya pada tahun lalu.

Lakastah Bersedia

TAP
Menjana Masyarakat Berhemat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mac 2021– Tabung Amanah Pekerja (TAP) mengungkayahkan ***Program Lakastah Bersedia*** yang berlangsung selama dua hari ('17 dan 18 Mac, 2021), di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Program ini menekankan mengenai kepentingan membuat perancangan persaraan dari segi kewangan dan aspek lain.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan TAP, Lakastah Bersedia merupakan program perancangan persaraan secara komprehensif dalam mempersiapkan peserta lebih awal sebelum melangkah ke alam persaraan. Sasaran bagi program berkenaan adalah bagi yang akan bersara dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang.

Kenyataan menjelaskan, aspek-aspek persiapan persaraan yang dimaksudkan termasuk perancangan kewangan, pengurusan harta (faraid, hibah, wasiat), penjagaan kesihatan, perhubungan kekeluargaan dan sosial, dan menghindari penipuan kewangan.

Menyentuh mengenai perancangan persaraan, TAP menekankan mengenai kepentingan mengenal pasti keperluan dan matlamat persaraan lebih awal bagi membolehkan peserta mengambil tindakan yang sewajarnya demi mencapai matlamat berkenaan. Ini termasuk mengenal pasti matlamat pendapatan persaraan yang diperlukan oleh peserta untuk mengekalkan gaya hidup semasa bersara nanti.

Program berkenaan juga membuka ruangan bagi membolehkan ahli mendapatkan maklumat-maklumat dan produk berkaitan perancangan kewangan melalui institusi yang dijemput, iaitu Baiduri Bank Berhad, Insurans Islam TAIB dan Syarikat Great Eastern.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Mac 2021—Tumpi terbesar yang diusahakan oleh Syarikat Masia-Delima Corner bersempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD layak direkodkan dalam kandungan The Brunei Book of Records.

Sejarah pembuatan Tumpi terbesar itu yang dihasilkan di Pasar Pelbagai Barangan Gadong petang tadi yang disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Sebelum Tumpi terbesar ini, mereka menjual dengan gelaran Tumpi Giant selebar 9 inci bersama Kuah Kari dengan hanya harga BND1 sahaja.

Proses pembuatan Tumpi terbesar setakat ini setentunya daripada bahan-bahan seperti tepung, telur, air, marjerin dan minyak serta sedikit garam. Beliau menambah, adapun resipi Tumpi itu memang resipi warisan dari zaman nenek moyang mereka dan resipi itu kekal diwarisi sehingga sekarang.

Tumpi kami ini adalah dari segi rasanya yang lembut dan tersendiri ditambah lagi dimakan bercacahkan kuah Kari Ayam, Daging Rendang atau susu manis pun sedap dinikmati.

Meskipun bahan-bahannya adalah ringkas namun pembuatannya memerlukan teknik dan kemahiran sama ada dari segi membentuk teksturnya dan juga rasanya. Setentunya makanan warisan tradisi kita ini akan terus diwarisi dari generasi ke generasi mendatang agar ia tidak hilang ditelan zaman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Mac 2021- An-Nur Harapan menganjurkan acara kebajikan fun fair buat julung kalinya yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini di Jalan Kebangsaan.

Fun Fair An-Nur Harapan memfokuskan kepada pengumpulan dana dan dimeriahkan dengan beberapa aktiviti seperti aktiviti jualan. Acara tersebut merupakan satu peluang untuk orang ramai dan organisasi lain untuk bersama-sama menunjukkan sokongan mereka dan membantu misi dan visi An-Nur Harapan serta melawat petak-petak jualan.

Objektif UNIKLEARN adalah untuk memperkasakan para pelatih UNIKLEARN yang berumur 16 tahun ke atas, untuk berdikari dan menjadi anggota penyumbang yang sejati kepada masyarakat.

Acara berkenaan juga memberi peluang kepada pelatih UNIKLEARN yang baru untuk berlatih dan belajar tentang kemahiran sosial dalam scenario sebenar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Mac 2021 - Kira-kira 50 belia daripada Institusi Pendidikan Tinggi dan profesional muda mengikuti '*Bengkel Skills For The Future'* Fasa Ke-4 dan terakhir yang berlangsung di Laksamana College of Business, Bandar Seri Begawan.

Bengkel yang diadakan selama dua hari berkenaan merangkumi topik-topik seperti *Decision-making, Active-listening, Negotiation, Service Orientation dan Resilience, Stress Tolerance & Flexibility.*

'Skills For The Future' adalah projek hab Global Shapers BSB yang menyasarkan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), pencari kerja dan profesional muda, yang bertujuan untuk memperkenalkan *'soft skills'* terbaik seperti yang dilaporkan oleh *The World Economic Forum.*

Global Shapers Bandar Seri Begawan adalah hab di bawah Global Shapers Community, sebuah inisiatif The World Economic Forum (WEF) bagi memberi peluang kepada para belia untuk mendorong dialog, tindakan dan perubahan di bandar, negara atau wilayah mereka tersendiri.

Bandar Seri Begawan Hab terdiri daripada belia tempatan dari pelbagai latar belakang dan memperjuangkan masalah pengangguran belia melalui peningkatan keupayaan dan pembangunan di peringkat akar umbi.

KUALA BELAIT, Ahad, 21 Mac 2021 - Jabatan Belia dan Sukan, dengan kerjasama Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam (BDAF) menganjurkan Larian Hari Kebangsaan HK 37 bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-37, Tahun 2021.

Larian Hari Kebangsaan HK 37 diungkayahkan bagi memeriahkan lagi acara Sambutan Hari Kebangsaan Ke-37 yang termasuk di dalam acara sampingan Festival Hari Kebangsaan.

Larian tersebut turut mendapat sokongan daripada Persatuan-persatuan Sukan Cawangan Daerah Belait serta beberapa peserta larian dari Batalion ke-3, Kem Lumut di mana para peserta melakukan riadah larian sejauh 4 kilometer.

Larian bermula dan berakhir di Taman Persiaran, Jalan Sungai Kuala Belait.

KILANAS, Ahad, 21 Mac 2021 - Majlis Perundingan Kampung Tanjong Bunut menganjurkan Cabaran Memancing Taman Miaji 2021 yang dibukakan kepada orang ramai dari seluruh negara bagi sama-sama menggalakkan dan menjadikan aktiviti memancing sebagai satu aktiviti yang berfaedah dan menarik, di samping mempromosikan tempat-tempat riadah di sekitar Kampung Tanjong Bunut.

Majlis Pelancaran Acara Cabaran Memancing Taman Miaji 2021 adalah bersempena Festival Hari Kebangsaan Ke-37, Tahun 2021 yang diadakan di Taman Miaji, Kampung Tanjong Bunut, Mukim Kilanas. Turut diadakan, Peraduan Fotografi Flora dan Fauna, dan Peraduan Melukis dan Mewarna bagi kanak-kanak yang diadakan bermula pada 19 Mac 2021.

Taman ini dibuka setiap hari bagi mereka yang ingin mengadakan lawatan, riadah keluarga dan korporat, dan juga kepada orang ramai serta kaki-kaki pancing dengan dikenakan bayaran masuk sebanyak BND2 sahaja.

KUNJUNGAN HORMAT

Pejabat Menteri, Tingkat 8,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

22 Mac 2021

Duta Besar Istimewa dan Mutlak
Negara Brunei Darussalam ke Belgium

Tuan Yang Terutama Awang Haji Adnan bin Haji Mohd Ja'afar.

Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam
ke Republik India

Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd Taha

TAKLIMAT PERATURAN KEWANGAN
Dewan Digadong,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

23 Mac 2021

Bandar Seri Begawan, Selasa, 23 Mac 2021 – Seramai 100 kakitangan (Divisyen I hingga V) kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri taklimat peraturan kewangan khusunya mengenai penyimpanan dan pelupusan pelbagai jenis dokumen kerajaan.

Melalui taklimat ini, adalah diharapkan kakitangan-kakitangan akan mengetahui dengan lebih lanjut mengenai garispandu dan proses yang betul dan teratur dalam membuat penyimpanan dan pelupusan dokumen kerajaan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-17 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

Dewan Persidangan, Jalan Dewan Majlis
Rabu, 24 Mac 2021

Anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Suka dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Tahun 2021/2022 berjumlah BND104,333,674. Perbelanjaan biasa BND85.3 juta (BND85,343,250) dan RKN hampir BND19 juta (BND18,990,424).

KKBS akan terus menggiatkan dan memantapkan pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian 2020-2024 ke arah Bangsa Brunei Cemerlang.

Pencapaian *Whole of Nation* menunjukkan kesan dalam memperkasa semangat kesatuan, resilien dan budaya pemedulian orang Brunei dalam kebiasaan baharu. Ini sangat bertepatan dengan tema dan tiga fokus utama Belanjawan 2021/2022, iaitu **'Ke Arah Pembangunan Sosio-Ekonomi Yang Resilien'.**

Pautan Teks Mukadimah yang lengkap:
Teks Mukadimah YBD Menteri KKBS Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-17 Majlis Mesyuarat Negara

KONVENSYEN PEMIMPIN MUDA BRUNEI 2021
(Brunei Youth Leaderships Convention 2021)

Bangunan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi
25 Mac 2021

Para belia diseru agar menyesuaikan diri di mana pun mereka berada, dengan siapa mereka bergaul, sama ada dengan orang yang lebih tua ataupun yang lebih muda.
Belia yang boleh menyesuaikan diri dalam apa juga keadaan akan mudah difahami oleh orang ramai kerana mereka menampakkan diri mereka yang sebenar.
Menyesuaikan diri yang dimaksudkan ialah cara mereka bercakap dan cara

BYLC 2021 dianjurkan oleh Al-Huffaz Management dan Generasi Bekarih yang diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan diadakan buat kali ketiga.

Antara tujuan BYLC 2021 ialah untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini mengenai Wawasan Brunei 2035 serta untuk menyatukan agensi-agensi yang berkepentingan dalam pembangunan belia serta memberikan platform kepada para peserta untuk melaksanakan projek atau program yang mampu mendukung untuk mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Seramai 140 peserta menyertai konvensyen tersebut yang diadakan selama tiga hari bermula pada 23-25 Mac 2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 Mac 2021- Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah (AJKTM) membarigakan perjalanan penglibatan mereka menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan dari tahun 2010 yang lalu dengan mengadakan *'Majlis Pelancaran Pameran 11 Tahun Penyertaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'* di masjid tersebut, di Kampung Sungai Kebun.

Antara pameran yang dipertunjukkan ialah baju-baju yang dibuat dan direka khas di sepanjang mengikuti perbarisan 11 tahun dan gambar-gambar aktiviti AJKTM berkenaan.

Pada tahun 2013, keramaian yang ikut serta mewakili masjid pada ketika itu ialah seramai 140 peserta dan merupakan penyertaan yang paling ramai.

Kampung Sungai Kebun mencipta sejarah sebagai sebuah masjid yang pertama di negara ini yang ikut serta pada perhimpunan dan perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan NBD pada 11 tahun lalu dengan keramaian sebanyak 60 peserta.

FORUM BAHASA MELAYU DENGAN PENDEKATAN WHOLE OF NATION
Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka
27 Mac 2021

- Pemantapan pemartabatan bahasa Melayu akan semakin kukuh dengan adanya peranan pendekatan Whole of Nation yang melibatkan bukan sahaja agensi-agensi kerajaan, bahkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, swasta dan semua lapisan masyarakat.

- Forum Bahasa Melayu ini dianjurkan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, selain menanamkan perasaan kecintaan terhadap bahasa Melayu.

- Menyuntik semangat cinta dan meningkatkan kesedaran bahawa bahasa Melayu dan tulisan Jawi khazanah warisan budaya bangsa Melayu yang perlu dipulihara dan dipantuni.

HARI PUISI SEDUNIA
Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka
27 Mac 2021

Hari Puisi Sedunia ditetapkan secara rasmi oleh UNESCO pada setiap 21 Mac setiap tahun sejak tahun 1999. Idea Hari Puisi Sedunia dianggap mempunyai peranan penting dan juga berkait rapat dengan drama, tarian, muzik, lukisan dan bidang seni yang lain.

Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah dalam ucapannya mengatakan *"menikmati puisi itu tidak hanya setakat mendengar sebutan perkataan dan alunan nada suara. Namun apresiasi puisi hendaklah sampai kepada maksud atau persoalan yang dibawakannya, baik makna itu tersirat mahu pun tersurat, pasti ada tema atau persoalan, bahkan nilai murni dan nilai baik dan isi penting yang ingin disampaikan oleh penyair. Dari aspek inilah puisi itu sangat relevan dengan manusia, kemanusiaan dan segala aspek kehidupannya."*

Matlamat tersebut adalah untuk menggalakkan kepelbagaian linguistik melalui ekspresi puisi, serta menjaga nilai bahasa daripada pupus. Puisi juga menjadi ungkapan dalam melahirkan semangat cintakan negara bangsa.

Bandar Seri Begawan, 29 Mac 2021— MENGGERAKKAN PELAKSANAAN *CULTURE OF PREVENTION (CoP)* Mesyuarat ke-4 Kumpulan Kerja *ASEAN* bagi *Declaration on Culture of Prevention (CoP) for a Peaceful, Inclusive, Resilient, Healthy and Harmonious Society.*

Mesyuarat mengambil maklum dapatan terbaru mengenai rancangan pelaksanaan dan keutamaan bagi 6 teras *CoP* yang dikongsikan oleh *Lead Sectoral Bodies* iaitu:

- Teras *1: Culture Of Peace And Intercultural Understanding* daripada Pengerusi *ASEAN Senior Officials Meeting for Culture and Arts;*
- Teras *2: Culture Of Respect For All* daripada Pengerusi *ASEAN Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development;*
- Teras *3: Culture Of Good Governance At All Levels* daripada Pengerusi *ASEAN Cooperation on Civil Service Matter;*
- Teras *4: Culture Of Resilience And Care For The Environment* daripada Pengerusi *ASEAN Committee on Disaster Management*;
- Teras *5: Culture Of Healthy Lifestyle* daripada Pengerusi *ASEAN Senior Officials Meeting for Health Development*; dan
- Teras *6: Culture Supporting The Values Of Moderation* daripada Pengerusi *ASEAN Senior Officials Responsible for Information.*

Mesyuarat juga mengalu-alukan usaha-usaha menyebarluaskan pemahaman mengenai *CoP, termasuk bagi memuatnaik Pelan Tindakan CoP serta Matriks Pemantauan berhubung pelaksanaan Pelan Tindakan CoP ke dalam laman sesawang ASEAN; serta cadangan untuk mengadakan Partnership Forum to Advance the Implementation of the CoP dan beberapa siri webinar ASEAN CoP. Usaha-usaha tersebut akan membukakan peluang bagi dialog yang inklusif kepada pihak-pihak berkepentingan.*

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Mac 2021 - Mesyuarat Ke-30 Pegawai Kanan Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (30th SOCA Meeting) secara persidangan video.

- Impak pandemik COVID-19 telah mengajar ASEAN untuk menjadi lebih bersedia.

- Pengutamaan adalah kunci utama dalam memberikan fokus kepada usaha ASEAN menuju perpaduan yang berdaya tahan bagi memastikan kebajikan masyarakat ASEAN diberi perhatian dalam membangun sebuah komuniti ASEAN.

Mesyuarat bersetuju bagi ASCC untuk menggabungkan dan menyelaraskan pelaksanaan Blueprint bagi 5 tahun yang akan datang secara strategik mahupun operasi dengan ASEAN Comprehensive Recovery Framework. Ini termasuklah menangani isu-isu berkaitan jurang dan ketersediaan data.

Mesyuarat mengalu-alukan penubuhan tiga Platform Penyelidikan dan Pembangunan ASCC, iaitu:
Platform Kecemasan Kesihatan Awam ASEAN;
Platform Perubahan Iklim ASEAN; dan
Platform Pengurusan Bencana ASEAN.

Bandar Seri Begawan, 31 Mac 2021

Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi ASCC, dan turut dihadiri oleh Menteri-Menteri ASCC yang lain, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi, Setiausaha Agung ASEAN serta para delegasi masing-masing.

BRUNEI DARUSSALAM
2021

- Yang Berhormat menyeru agar ASCC meneruskan tindakan penyelarasan yang masih menghadapi suasana pandemik COVID-19, namun dalam masa yang sama mengimbangi usaha-usaha pembangunan masyarakat.
- Perlunya memikirkan dan membentuk semula peranan ASEAN dan institusinya, di dasar yang paling utama.

- Satu Forum Kebudayaan Peringkat Tinggi mengenai Promoting an Adaptive Community of Greater Understanding and Tolerance akan diadakan pada tahun ini. Ini merupakan salah satu usaha ASEAN dalam membangun usaha budaya pencegahan.

- Melaksanakan *Comprehensive Framework on Care Economy* yang akan membolehkan *ASEAN* meningkatkan kesediaan dan tindak balas terhadap langkah-langkah perlindungan sosial, membolehkan kemanafaatan peluang ekonomi dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

- Menghargai bidang Kesihatan dan Pembangunan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kebajikan Sosial, Pendidikan, Belia dan Sukan, Kebudayaan dan Informasi, Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Sumber Tenaga Manusia, serta susulan tindakan bagi Kajian Separuh Penggal *ASCC Blueprint 2025.*

We Care, We Prepare, We Prosper

Sumber Berita: Pelita Brunei dan Media Permata
Tim Penerbitan : Unit Perhubungan Awam, KKBS
Perwajahan dan Aturgambar: Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto: Hajah Ajijah binti Haji Ali (KKBS) / Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman (KKBS) / Sufyan Aiman bin Sufri (JAPEM) / Mohd Nazib bin Hj Jumat (DBP) / Ehzha Ahwaz Safaraz bin Hj Jeffridin (PSB) / Penerangan (infofoto)